

KENYATAAN MEDIA

GLOBAL ANIMAL PRODUCTION AND VETERINARY INDUSTRY SUMMIT
(GAVIS) 2026
19 Jun 2026

1. Terima kasih kepada semua wakil media dan wartawan yang hadir ke Sidang Media GAVIS 2026 pada hari ini.
2. Untuk makluman, pada masa ini terdapat lebih daripada 10 persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan bidang veterinar, pengeluaran ternakan dan industri haiwan di Malaysia.
3. Antaranya ialah Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA), Malaysian Society of Animal Production (MSAP), Malaysian Association of Veterinary Pathology (MAVP), Malaysian Association of Companion Animal Medicine Industry (MACAMI), Asian-Australasian Dairy Goat Network (AADGN) dan pelbagai lagi organisasi berkaitan.
4. Lazimnya, persatuan-persatuan ini menganjurkan konferen tahunan masing-masing secara berasingan setiap tahun. Sebagai contoh, Persidangan MAVMA ke-36, Persidangan MSAP ke-45, Persidangan AADGN ke-7, Persidangan MAVP ke-17 dan Persidangan MACAMI yang pertama.
5. Pada tahun 2026, ahli-ahli veterinar, saintis haiwan, penyelidik dan pemain industri di bawah naungan persatuan-persatuan ini telah bersetuju untuk bergabung dan menganjurkan satu konferen berskala besar yang dikenali sebagai **Global Animal Production and Veterinary Industry Summit (GAVIS) 2026**.
6. GAVIS 2026 turut dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
7. Dengan tema **“One Voice, One Health, One Future”**, GAVIS 2026 melambangkan kesatuan suara semua pihak dalam membangunkan industri ternakan dan kesihatan haiwan demi menjamin bekalan makanan negara, meningkatkan kebajikan haiwan dan membina masa depan yang lebih mampan serta sejahtera untuk semua.
8. GAVIS 2026 yang julung kali dianjurkan akan berlangsung pada **21 hingga 23 Julai 2026** di **Putrajaya International Convention Centre (PICC)**. Pelbagai konferen dan sesi teknikal akan berlangsung serentak merangkumi bidang:
 - o Ruminan (lembu, kambing dan bebiri)
 - o Non-ruminan (ayam, itik dan babi)
 - o Haiwan kesayangan (small animal)
 - o Penyakit haiwan dan diagnostik
 - o Ekonomi, perniagaan dan kesejahteraan manusia
 - o Pengurusan hidupan liar dan haiwan eksotik
 - o Makanan ternakan dan nutrisi
 - o Akuakultur dan perikanan
 - o Kebajikan haiwan
 - o Zoonotik dan One Health
 - o Pendidikan veterinar
 - o Keselamatan makanan
 - o Regulatori veterinar

9. Selain itu, dua simposium utama akan dianjurkan iaitu:
- o **Malaysian Animal Welfare Regulatory Symposium**
 - o **MAVMA Veterinary Education Symposium**
- Di samping itu, tiga persatuan akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) masing-masing semasa GAVIS 2026 iaitu MAVMA, MSAP dan MAVP.
10. Pada malam 21 Julai 2026, **Veterinary Gala Dinner** akan diadakan dan akan diserikan dengan kehadiran **YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim**, sebagai Tetamu Kehormat. YAB Perdana Menteri dijangka menyampaikan amanat kepada komuniti veterinar dan industri ternakan negara.
11. GAVIS 2026 turut menampilkan **Pameran GAVIS 2026** yang menyediakan lebih daripada **100 booth pameran**. Pelbagai produk dan perkhidmatan akan dipamerkan termasuk peralatan veterinar, makanan haiwan, farmaseutikal veterinar, teknologi penternakan, sistem automasi dan inovasi industri.
12. Bagi menarik lebih ramai pengunjung, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan seperti:
- o Pertandingan kucing (Pet Show)
 - o Program pengambilan haiwan peliharaan (Pet Adoption)
 - o Bicara Tokoh Industri
 - o Tayangan Perdana Dokumentari *World Without Cows*
 - o Pelbagai aktiviti interaktif lain
13. Dari aspek akademik dan teknikal, GAVIS 2026 akan menampilkan **108 orang pembentang**, termasuk **51 pembentang antarabangsa** dari pelbagai negara seperti China, Indonesia, Thailand, Vietnam, Singapura, Filipina, Australia, India, Jepun, Oman, Switzerland, United Kingdom, Belgium, Belanda, Scotland dan beberapa negara lain.
14. Hasrat utama penganjuran GAVIS 2026 adalah untuk menyatukan semua doktor veterinar, saintis haiwan, penternak, penyelidik, akademik, agensi kerajaan dan pemain industri dalam satu platform kerjasama yang mampu memacu pembangunan industri haiwan negara.
15. Kami juga menyeru syarikat-syarikat dan organisasi berkaitan industri ternakan, veterinar dan makanan haiwan untuk memberikan sokongan melalui:
- o Penyertaan dalam konferen
 - o Penyertaan dalam pameran
 - o Tajaan korporat
 - o Kehadiran ke Veterinary Gala Dinner
16. Orang ramai termasuk pelajar universiti, pelajar sekolah dan pencinta haiwan turut digalakkan hadir. Tiada bayaran dikenakan untuk memasuki ruang pameran dan aktiviti Pet Show. Yuran hanya dikenakan bagi penyertaan dalam konferen dan sesi profesional.
17. Kami menjanjikan pelbagai pengisian yang bermanfaat, menarik dan berimpak tinggi kepada semua peserta dan pengunjung.
18. Selain itu, GAVIS turut mempromosikan MAHA 2026 yang akan berlangsung pada 28 Ogos hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang.
19. Untuk maklumat lanjut, sila layari gavis2026.com.

Jom hadir ke GAVIS 2026!

21–23 Julai 2026

Putrajaya International Convention Centre (PICC),

Jumpa anda di sana.

MEDIA STATEMENT

GLOBAL ANIMAL PRODUCTION AND VETERINARY INDUSTRY SUMMIT (GAVIS) 2026

19 June 2026

1. Thank you to all members of the media and journalists for attending the GAVIS 2026 Media Conference today.
2. For your information, there are currently more than 15 associations and non-governmental organisations (NGOs) in Malaysia related to veterinary services, animal production, and the livestock industry.
3. These include the Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA), Malaysian Society of Animal Production (MSAP), Malaysian Association of Veterinary Pathology (MAVP), Malaysian Association of Companion Animal Medicine Industry (MACAMI), Asian-Australasian Dairy Goat Network (AADGN), and many other related organisations.
4. Traditionally, these associations organise their annual conferences independently each year. Examples include the 36th MAVMA Conference, the 45th MSAP Conference, the 7th AADGN Conference, the 17th MAVP Conference, and the inaugural MACAMI Conference.
5. In 2026, veterinarians, animal scientists, researchers, and industry players under these associations have agreed to come together to organise a large-scale conference known as the **Global Animal Production and Veterinary Industry Summit (GAVIS) 2026**.
6. GAVIS 2026 is also organised in collaboration with the Department of Veterinary Services Malaysia (DVS), the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), and Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
7. With the theme **"One Voice, One Health, One Future,"** GAVIS 2026 represents a united commitment to advancing the livestock industry and animal health sector in order to strengthen food security, enhance animal welfare, and build a more sustainable and prosperous future for all.
8. The inaugural GAVIS 2026 will be held from **21 to 23 July 2026** at the **Putrajaya International Convention Centre (PICC), Malaysia**. Multiple conferences and technical sessions will run concurrently, covering areas such as:
 - Ruminant production (cattle, goats, and sheep)
 - Non-ruminant production (poultry, ducks, and swine)
 - Companion animal and small animal practice
 - Animal diseases and diagnostics
 - Economics, business, and human welfare
 - Wildlife and exotic animal management
 - Feed and nutrition
 - Aquaculture and fisheries
 - Animal welfare
 - Zoonotic diseases and One Health
 - Veterinary education
 - Food safety
 - Veterinary regulatory affairs
9. In addition, two major symposiums will be organised:
 - **Malaysian Animal Welfare Regulatory Symposium**
 - **MAVMA Veterinary Education Symposium**

Furthermore, three associations will hold their Annual General Meetings (AGMs) during GAVIS 2026, namely MAVMA, MSAP, and MAVP.

10. On the evening of 21 July 2026, the **Veterinary Gala Dinner** will be held and will be graced by the presence of the **Prime Minister of Malaysia, The Honourable Dato' Seri Anwar Ibrahim**, as the Guest of Honour. The Prime Minister is expected to deliver a keynote address to the veterinary and livestock industry community.
11. GAVIS 2026 will also feature the **GAVIS 2026 International Exhibition**, comprising more than **100 exhibition booths**. A wide range of products and services will be showcased, including veterinary equipment, animal feed, veterinary pharmaceuticals, livestock technologies, automation systems, and industry innovations.
12. To attract a broader audience, various side events and activities will be organised, including:
 - Cat Show (Pet Show)
 - Pet Adoption Programme
 - Industry Leaders' Talk Series
 - Premiere Screening of the documentary *World Without Cows*
 - Various interactive activities
13. From an academic and technical perspective, GAVIS 2026 will feature **108 presenters**, including **51 international speakers** from countries such as China, Indonesia, Thailand, Vietnam, Singapore, the Philippines, Australia, India, Japan, Oman, Switzerland, the United Kingdom, Belgium, the Netherlands, Scotland, and several others.
14. The primary objective of GAVIS 2026 is to unite veterinarians, animal scientists, livestock producers, researchers, academics, government agencies, and industry stakeholders under a single collaborative platform that will drive the growth and development of the animal industry.
15. We also call upon companies and organisations related to the livestock, veterinary, and animal feed industries to support GAVIS 2026 through:
 - Conference participation
 - Exhibition participation
 - Corporate sponsorship
 - Attendance at the Veterinary Gala Dinner
16. Members of the public, including university students, school students, and animal lovers, are encouraged to attend. Admission to the exhibition and pet show activities is free of charge. Registration fees apply only to conference participation and professional sessions.
17. We promise a meaningful, engaging, and impactful experience for all participants and visitors.
18. In addition, GAVIS will contribute to the promotion of MAHA 2026, scheduled to take place from 28 August to 6 September 2026 at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang.
19. For further information, please visit gavis2026.com.

Join Us at GAVIS 2026!

21–23 July 2026

Putrajaya International Convention Centre (PICC), Malaysia

See you there!



